

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## **Malaysia ke Arah Pelaksanaan 2025 SNA: Meningkatkan Pengukuran Ekonomi untuk Masa Depan Dinamik**

**PUTRAJAYA, 11 Mac 2025** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan bangganya mewakili Malaysia di *56th Session of the United Nations Statistical Commission (UN56SC)*, yang bersidang dari 4-7 Mac 2025 di New York. *United Nations Statistical Commission* ialah badan pembuat keputusan tertinggi untuk aktiviti statistik antarabangsa dan bertanggungjawab untuk menetapkan piawaian serta pembangunan konsep dan kaedah statistik. Pada sesi ini, Sistem Akaun Negara 2025 (2025 SNA) telah diluluskan oleh Suruhanjaya untuk piawaian statistik antarabangsa baharu bagi statistik Akaun Negara. Statistik Akaun Negara merangkumi rangka kerja yang komprehensif untuk mengukur aktiviti ekonomi negara, merangkumi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi kaedah pengeluaran, pendapatan dan perbelanjaan serta kekayaan dan jujukan akaun yang lain, untuk memberikan gambaran keseluruhan yang sistematik tentang prestasi dan arah aliran ekonomi.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "DOSM mengiktiraf penggunaan 2025 SNA, satu pencapaian dalam statistik ekonomi global. Semakan yang diketuai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi perangkaan antarabangsa, menggambarkan kemajuan ketara dalam kaedah pengukuran ekonomi, memastikan akaun negara kekal relevan dalam landskap ekonomi yang berkembang pesat. 2025 SNA dilaksanakan selari dengan pengemaskinian *International Monetary Fund (IMF) 7<sup>th</sup> Edition of Balance of Payments and International Investment Position Manual (BPM7)* untuk memastikan konsistensi dalam statistik makroekonomi, meningkatkan keselarasan akaun negara dan antarabangsa serta menambah baik pengukuran globalisasi ekonomi."

Perubahan utama yang dilaksanakan dalam 2025 SNA ialah kesejahteraan dan kemampanan; globalisasi; pendigitalan dan isu kewangan. SNA 2025 memberi penekanan yang lebih besar pada kesejahteraan dan kemampanan, menyepadukan

metrik alam sekitar dan ukuran kemajuan masyarakat yang lebih luas melangkaui KDNK. Globalisasi ditangani melalui bab baharu yang memberi tumpuan kepada perusahaan multinasional dan aliran kewangan rentas sempadan, memberikan pandangan yang lebih jelas tentang kesan aktiviti ekonomi global ke atas akaun negara. Pendigitalan yang juga merupakan tema utama, dengan bab khusus mengenai perkhidmatan digital dan e-dagang, memastikan sektor yang berkembang pesat ini diukur dengan tepat. Selain itu, rangka kerja itu juga mempertingkatkan pengurusan terhadap risiko dan kelemahan kewangan, menawarkan pecahan instrumen dan sektor kewangan yang lebih terperinci untuk menilai kestabilan ekonomi dengan lebih baik.

Penggunaan 2025 SNA dijangka dapat memperkemaskan lagi rangka kerja statistik yang lebih lengkap dan tepat di Malaysia. Dengan mengambilira sektor baharu muncul seperti ekonomi digital dan metrik kemampanan, 2025 SNA akan membolehkan pengukuran yang lebih tepat bagi aktiviti yang semakin penting kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, seperti e-dagang, perkhidmatan digital dan inisiatif hijau. Di samping itu, Malaysia, dengan ekonomi yang dipacu eksportnya yang menyumbang hampir 80 peratus kepada KDNK, akan mendapat manfaat yang ketara daripada tumpuan 2025 SNA terhadap globalisasi dan perdagangan rentas sempadan. Pengemaskinian ini akan membolehkan penggubal dasar mengenal pasti pemacu pertumbuhan baharu dan merangka strategi yang lebih disasarkan untuk mengekalkan pertumbuhan yang teguh.

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa, "Penerimaan SNA 2025 adalah pengubah keadaan untuk Malaysia. Ia menyelaraskan statistik ekonomi negara dengan piawaian global, membolehkan penyusunan melangkaui KDNK dengan lebih baik, seperti kesejahteraan dan kemampanan, serta sektor-sektor baharu muncul seperti pendigitalan dan globalisasi sambil memupuk keyakinan pelabur. Pengemaskinian ini amat tepat pada masanya kerana Malaysia meneruskan trajektorinya ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi. Oleh itu, 2025 SNA akan memberikan cadangan pengukuran yang setanding di peringkat antarabangsa."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
11 MAC 2025**

## LAMPIRAN

Rajah 1: Diagram jujukan akaun ekonomi bagi keseluruhan ekonomi



Nota: Nombor yang digunakan dalam diagram adalah hipotesis untuk tujuan ilustrasi

Sumber : 2025 SNA

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## ***Malaysia Gears Up for 2025 SNA Implementation: Enhancing Economic Measurement for a Dynamic Future***

**PUTRAJAYA, MARCH 11, 2025** – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) proudly represented Malaysia at the 56th Session of the United Nations Statistical Commission (UN56SC), convened from 4-7 March 2025, New York. The UN Statistical Commission is the highest decision-making body for international statistical activities and is responsible for setting statistical standards and the development of concepts and methods. At the session, the 2025 System of National Accounts (2025 SNA) has been endorsed by the Commission for the new international statistical standards for National Accounts Statistics. The National Accounts Statistics embrace a comprehensive framework for measuring a country's economic activity, encompassing Gross Domestic Product (GDP) by production, income and expenditure approaches, as well as wealth and other sequence of accounts to provide a systematic overview of economic performance and trends.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "DOSM acknowledges the forthcoming adoption of the 2025 SNA, a milestone in global economic statistics. The revision, led by the United Nations and international statistical agencies, represents a significant advancement in how economies are measured, ensuring that national accounts remain relevant in a rapidly evolving economic landscape. The 2025 SNA is being carried out in parallel to the update of the International Monetary Fund (IMF) 7<sup>th</sup> Edition of Balance of Payments and International Investment Position Manual (BPM7) to ensure consistency in macroeconomic statistics, enhance the coherence of national and international accounts as well as improve the measurement of economic globalisation."

Amongst the key changes made in the 2025 SNA are well-being and sustainability; globalisation; digitalisation; and financial issues. The 2025 SNA places greater emphasis on well-being and sustainability, integrating environmental metrics and broader measures of societal progress beyond GDP. Globalisation is addressed through new chapters that focus on multinational enterprises and cross-border financial flows, providing clearer insights into the impact of global economic activities on national accounts. Digitalisation is also a major theme, with dedicated chapters on digital

*services and e-commerce, ensuring these rapidly growing sectors are accurately measured. Additionally, the framework also enhances the treatment of financial risks and vulnerabilities, offering more detailed breakdowns of financial instruments and sectors to better assess economic stability.*

*The adoption of the 2025 SNA is expected to refine Malaysia's economic growth projections by enhancing the accuracy and comprehensiveness of its statistical framework. By incorporating emerging sectors such as the digital economy and sustainability metrics, the 2025 SNA will allow for a more precise measurement of economic activities that are increasingly significant to Malaysia's growth, such as e-commerce, digital services and green initiatives. Additionally, Malaysia, with its export- driven economy contributing nearly 80 per cent to the GDP, stands to benefit significantly from the 2025 SNA's enhanced focus on globalisation and cross-border trade. These updates will enable policymakers to identify new growth drivers and craft more targeted strategies to sustain robust growth.*

*Commenting further, the Chief Statistician of Malaysia stated that, "The adoption of the 2025 SNA is a game-changer for Malaysia. It aligns our economic statistics with global standards, enabling us to better capture beyond GDP, such as well-being and sustainability, as well as emerging sectors like digitalisation and globalisation while fostering investor confidence. This update is particularly timely as Malaysia continues its trajectory towards becoming a high-income nation. Hence, 2025 SNA will provide recommendation of measurement that is comparable internationally."*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
11 MARCH 2025**

## APPENDIX

**Figure 1: Diagram of the sequence of economic accounts for the total economy**



Note: The numbers used in the diagram is hypothetical for illustration

Source : 2025 SNA